

MIB
TAHUN 8
KEGIATAN MEMBERSIHKAN KUBUR

Soalan Fahaman

Baca dengan teliti petikan kefahaman ini dan jawab soalan dengan betul.

Kempen Bersih Kubur Giat Djalankan

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 MAC – Dengan bulan Ramadan bakal menjelang dalam beberapa hari sahaja lagi, umat Islam di negara ini sama ada agensi-agensi kerajaan, persatuan dan orang ramai giat melaksanakan kempen gotong-royong membersihkan tanah perkuburan. Hari ini, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong A telah mengadakan Kempen Kebersihan di Tanah Perkuburan Kampung Bukit Bunga Jerudong. Lebih 15 orang ahli Jawatankuasa MPK Jerudong A dan para penduduk kampung berkenaan menyertai dalam kempen yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong A, Haji Kharul Azmi bin Haji Lakat.

MPK Jerudong B juga tidak ketinggalan mengadakan kempen serupa di Tanah Perkuburan Islam Pulau Muda Mejava, Kampung Jerudong B yang turut melibatkan Persatuan Warisan Kedayan Jerudong (WARISAN) dan ahli keluarga waris.

Terdahulu, majlis perasmian wakaf pondok kubur yang dibina hasil sumbangan ikhlas penduduk Kampung Jerudong serta para penderma telah diadakan. Perasmiannya telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim selaku tetamu kehormat yang kemudiannya turut serta bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Jerudong B, Awang Kamis bin Panjang.

Baru-baru ini, MPK Jerudong juga mengadakan kempen sama di Tanah Perkuburan Islam Bebandai, Kampung Jerudong yang disertai oleh lebih 20 orang penduduk sekitar Kampung Jerudong dengan diketuai oleh Awang Kamis. Aktiviti gotong-royong turut diadakan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Puchong Panipahan (kawasan Jerudong Park), kelmarin, yang diungkayahkan oleh penduduk Kampung Jerudong amnya daripada MPK Jerudong B, WARISAN dan ahli keluarga waris yang juga diketuai oleh Awang Kamis.

Sementara itu, hari ini, Jawatankuasa MPK Tanjung Bunut dan Jawatankuasa Takmir Masjid Ar-Rahman mengadakan kempen kebersihan di Tanah Perkuburan Sepayau dan Pakuan. Kempen yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Tanjong Bunut, Haji Abdul Rahman bin Haji Jumat itu disertai lebih 20 orang terdiri daripada ahli jawatankuasa MPK dan Takmir Masjid Ar-Rahman serta para penduduk Kampung Tanjong Bunut. Sementara itu, Kempen Gotong-royong Membersihkan Tanah Perkuburan Orang Islam bagi Belia dan Beliawanis Masjid sempena

Kedatangan Bulan Ramadan 1443H / 2022M diteruskan lagi hari ini di Daerah Belait dan Tutong. Di Daerah Belait, Kumpulan Belia Masjid Lorong 3 Selatan Seria mengadakan kempen berkenaan di Tanah Perkuburan Islam Anduki yang dihadiri oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Di Daerah Tutong pula, Kumpulan Belia Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel Kiudang mengadakan kempen berkenaan di Tanah Perkuburan Islam Pengkalan Mau, Mukim Kiudang dan dihadiri sama oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Haji Mohd Aidil Sufian bin Mohd Yassin. Aktiviti-aktiviti kebersihan berkenaan biasanya disusuli dengan bacaan tahlil dan Doa Arwah untuk mereka yang telah kembali kerahmatullah.

1. Apakah yang giat dijalankan sempena datangnya bulan Ramadhan?
2. Apakah yang diwakafkan oleh Persatuan Warisan Kedayan Jerudong (WARISAN)?
3. Apakah kumpulan belia daerah Tutong yang menjalankan kegiatan membersihkan kubur?
4. Apakah acara yang biasanya diadakan selepas kegiatan membersihkan kubur?
5. Berikan makna perkataan ini: a) waris b) diungkayahkan c) disertai d) disusuli